

31hb Julai 2023

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang Berkepentingan,

JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT ULASAN BERKENAAN DENGAN PENILAIAN SEMULA PENSIJILAN RSPO (P&C).

Dengan sukacita kami menjemput pihak Tuan / Puan untuk menghadiri dan memberi komen di sesi rundingan seperti di atas.

Kuala Lumpur Kepong Berhad – Tanjong Malim Palm Oil Mill, telah memohon kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian semula atas piawaian pensijilan Rundingan Meja Bulat Kelestarian Minyak Sawit (RSPO P&C).

Keperluan piawaian yang akan digunakan semasa proses pensijilan adalah:

- RSPO Principle & Criteria Certification (RSPO P&C 2018) – Malaysia National Interpretation (MYNI) Nov 2019 – RSPO SCC Systems Documents 2020.

Seperi yang dijadualkan, penilaian pensijilan tersebut akan bermula pada **4 – 6 September 2023** di pejabat syarikat seperti tertera. Jadi Tuan/Puan boleh menghantar sebarang komen jika berkenaan dalam tempoh masa bermula sekarang sehingga closing meeting pada hari terakhir penilaian.

Syarikat Pemohon	Kuala Lumpur Kepong Berhad Tanjong Malim Palm Oil Mill
RSPO Membership	1-0014-04-000-00
RSPO Palmtrace (RSPO PO_ID)	RSPO_PO1000000892

Butiran Pemohon	Mr. Thien Jing Wen jw.thien@klk.com.my Tel : (605) 2417 844 Address: Wisma Taiko, 1, Jalan S.P. Seenivasagam, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan, Malaysia
------------------------	--

Maklumat ringkas perniagaan pemohon	Kuala Lumpur Kepong Berhad (“KLK”) ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dengan permodalan pasaran kira-kira RM22.318 bilion pada akhir September 2022. KLK adalah antara syarikat perladangan terbesar di Malaysia, dengan bank tanah seluas hampir 300,000 hektar, tersebar di seluruh Malaysia (Semenanjung dan Sabah), Indonesia (Pulau Belitung, Sumatera, Kalimantan) dan Liberia. Dari rekod RaCP Tracker, Kompleks KLK Tanjong Malim tidak mempunyai proses New Planting Procedure (NPP) dan Remediation and Compensation Plan (RaCP) yang sedang berjalan dengan RSPO.
--	--

MAKLUMAT KILANG KELAPA SAWIT YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI

Nama Kilang Sawit	Kapasiti Kilang MT/JAM	Model Rantai Bekalan	Lokasi		Rujukan GPS		Anggaran Pengeluaran Tahunan (MT)	
			Alamat		Longitude	Latitude	CPO	Palm Kernel
Tanjong Malim POM	20	MB	Lot 4261, Ladang Changkat Asa, Hulu Bernam, 35900 Hulu Selangor, Selangor, Malaysia.	E 101°29'7.9"	N 3°41'40.7"	8,685	2,170	

RANTAIAN BEKALAN BTS YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI

Nama Ladang / Pertubuhan	Alamat	Rujukan GPS		Ringkasan Luas (Ha)		Pengeluaran BTS Tahunan (MT)
		Longitude	Latitude	Jumlah	Ditanam	
Changkat Asa Estate	Ladang Changkat Asa, 35900, Hulu Bernam, Selangor, Malaysia.	E 101°29'28.6"	N 3°41'4.62"	1,714	1,438	27,000
Kerling Estate	Ladang Kerling, Peti Surat 202, 44109 Kerling, Selangor, Malaysia.	E 101°34'48.72"	N 3°34'46.122"	1,222	791	15,560

Perundingan dari pihak berkepentingan adalah salah satu aktiviti utama dalam proses pensijilan, di mana semua pihak berkepentingan diminta untuk memberi pandangan yang boleh mempengaruhi keputusan samada keperluan RSPO dipatuhi.

Kami meminta anda mengemukakan sebarang isu, baik positif maupun negatif melalui surat, fax atau e-mel kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd. Tuan/ Puan boleh menghadiri sesi bersama pihak berkepentingan semasa audit.

Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti berikut;

- Perlindungan alam sekitar
- Pemulihan kepelbagaian biologi
- Pengwujudan peluang pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan sokongan
- Pendekatan syarikat dalam perkembangan masyarakat
- Mengambil bahagian dalam membuat keputusan
- Isu-isu yang lain baik positif atau negatif yang anda fikir relevan kepada penilaian.

Sila hantar pandangan / komen anda kepada:

Global Gateway Certifications Sdn Bhd

Pengurus Scheme,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd,
No.10, Jalan Rasmi 7,
Taman Rasmi Jaya,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Telephone: +60 3 4256 2689
Fax: +60 3 4256 2687
Email: jamal@ggc.my / admin@ggc.my

Maklumat terperinci anggota Juruaudit:

Muhammad Syafiq bin Abd Razak (Ketua Juruaudit)

Siswazah dalam Pengurusan Ladang dengan lebih daripada 7 tahun pengalaman dalam pelbagai syarikat perladangan dan kemahiran dalam Amalan Pertanian Baik (GAP) termasuk Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). Juga, mempunyai pengalaman lebih dari 8 tahun sebagai Juruaudit / Ketua Juruaudit dalam pelbagai audit skim.

Sepenuhnya dilatih dalam program pensijilan pertanian seperti RSPO, SCCS, MSPO, ISCC dan lain-lain. Layak sebagai Ketua Juruaudit / Juruaudit dalam beberapa program pensijilan. Terlibat dalam RSPO dan penilaian MSPO sejak 2014. Terlibat dalam audit dijalankan di beberapa syarikat yang berbeza di Malaysia, Indonesia, Australia, Pakistan, India, Arab Saudi dan Ivory Coast. Tamat kursus dan berkelayakan sebagai Auditor MSPO pada tahun 2014 (3rd Batch) yang dikendalikan oleh MPOB.

Berpengalaman dalam mengendalikan ladang kepala sawit di kawasan mineral dan tanah gambut. Berpengetahuan dalam kawalan rumpai dan perosak & penyakit dalam sektor kelapa sawit. Memahami berhubung Industrial dan undang-undang buruh. Menghadiri kursus OSH 1994 & Peraturan-Peraturan dan Kilang dan Jentera 1967 dan Peraturan Latihan. Mengambil bahagian dalam Bengkel Penanam Kelapa Sawit di tanah gambut di Bogor, Indonesia. Menghadiri Latihan Penilaian Kesan Sosial di Bogor, Indonesia anjuran Remark Asia. Juga, telah mengikuti latihan untuk pengiraan RSPO GHG pada tahun 2015 di Kuala Lumpur dan Bengkel Pengauditan Sosial pada tahun 2019 di Melaka yang dikendalikan oleh Verite. Ahli pasukan MSPO audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Adnin Aminurrashid Bin Zilah (Juruaudit)

Siswazah dalam Pengurusan Ladang dengan lebih daripada 10 tahun pengalaman dalam pelbagai syarikat perladangan dan kemahiran dalam Amalan Pertanian Baik (GAP) termasuk Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). Juga, mempunyai pengalaman lebih dari 5 tahun sebagai Juruaudit / Ketua Juruaudit dalam pelbagai audit skim. Telah menghadiri dan berjaya menamatkan kursus persijilan Ketua Juruaudit MSPO yang dijalankan pada Disember 2017. Terlibat dalam penilaian MSPO sejak 2018 yang dijalankan untuk banyak syarikat yang berbeza di Malaysia. Berjaya menamatkan kursus dalam Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2015 untuk Ketua Juruaudit pada tahun 2017 dan 2018.

Berpengalaman dalam mengendalikan ladang kepala sawit di kawasan mineral dan tanah gambut. Berpengetahuan dalam kawalan rumpai dan perosak & penyakit dalam sektor kelapa sawit. Memahami berhubung Industrial dan undang-undang buruh. Menghadiri kursus OSH 1994 & Alam Sekitar dan Latihan Keperluan Undang Undang & Peraturan yang berkaitan. Mengambil bahagian dalam Bengkel MSPO Peer Reviewer yang dijalankan oleh pihak MPOCC pada 2017. Ahli pasukan MSPO audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Mohd Fadzli bin Bistamam (Juruaudit)

Graduan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Biologi dan Pertanian dengan pengalaman kerja lebih dari 7 tahun di dalam Industri Perladangan Kelapa Sawit. Mempunyai lebih dari 7 tahun pengalaman bekerja di Industri Perladangan Kelapa Sawit dengan kemahiran dalam Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). Pengalaman menguruskan pekerja ladang, pengendalian mineral dan tanah gambut serta berpengalaman di dalam pengurusan racun untuk kawalan rumput dan makhluk perosak di sektor Ladang Kelapa Sawit.

Juga berkelayakan sebagai Ketua Juruaudit dan terlibat dalam audit kelestarian dan Sistem Pengurusan untuk kebanyakkan standard kelestarian seperti audit RSPO, ISCC dan MSPO. Telah bejaya menamatkan kursus-kursus seperti ISO 9001:2015, RSPO Lead Auditor Course, RSPO Supply Chain Certification Training, MSPO Training, ISCC EU & Plus Basic Training, ISCC Waste & Residue Training and ISCC Plus Training. Terlibat dalam bidang audit sejak dari tahun 2016 dan pernah menjalankan audit di negara Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, Ivory Coast, India and Singapore. Ahli pasukan MSPO audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Nur Zafirah binti Zulkifli (Juruaudit)

Berkelulusan dalam Ijazah Sarjana Sains - Teknologi Persekutaran dan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Agro Technopreneurship) Dengan Kepujian dengan pengalaman bekerja lebih daripada 4 tahun dalam pengurusan alam sekitar dan sektor sains. Juga, mempunyai pengalaman 3 tahun sebagai juruaudit untuk skim MSPO. Terlatih sepenuhnya dalam program pensijilan minyak sawit seperti MSPO, SCCS dan lain-lain. Layak sebagai Juruaudit dalam beberapa program pensijilan. Terlibat dalam penilaian MSPO sejak 2019.

Menamatkan dan menghadiri Latihan Juruaudit Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) 2530:2013, Latihan Juruaudit MSPO SCCS dan Kursus Latihan Juruaudit/ Ketua Juruaudit ISO 9001:2015 & 14001:2015, Sistem Pengurusan Bersepadu. Ahli pasukan audit MSPO GGC. Berkebolehan bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan . Sila sertakan maklumat bertulis dalam format berikut untuk kami menghubungi anda (jika perlu) untuk mendapat penjelasan terperinci mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

Nama : _____
Alamat : _____
E-mel : _____
Numbor Telefon : _____
Ringkasan Isu : _____

Komen:

Jika komen anda ingin dirahsiakan, sila tanda perkataan “SULIT” di penjuru atas borang tersebut.

Sekian. Terima kasih.


Yang benar,




Muhd Jamalul Arif,
Pengurus Scheme,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd

Lampiran 1 – Peta Lokasi


Rajah 1: Changkat Asa Estate (Home Division)




Changkat Asa Estate (Escot Division)




Changkat Asa Estate (Katoyong Division)




Changkat Asa Estate (Tg. Malim Division)



Rajah 2: Kerling Estate (Home Division)



Kerling Estate (Sungai Gapi Division)



Kerling Estate (East Division)

